

## UPM Tingkat Penyelidikan Hutan Di Sarawak



Datuk Naib Canselor, UPM bertukar dokumen dengan Pengarah Hutan Sarawak, Datu Len Talif Salleh sambil diperhatikan oleh Menteri Muda di Jabatan Perdana Menteri, Mohd Naroden Majais (tengah).

**KUCHING , 6 November** – Universiti Putra Malaysia (UPM) dan kerajaan Negeri Sarawak yang diwakili oleh Jabatan Hutan Sarawak (JHS) telah menandatangani memorandum persefahaman (MoU) kerjasama dalam bidang perhutanan seperti penyelidikan, konsultansi dan latihan bagi memantapkan pengurusan hutan lestari di negeri ini.

Naib Canselor UPM, Profesor Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah dalam ucapannya memberitahu peluang untuk menjalankan kajian sains asas dan gunaan di hutan yang terdapat di Sarawak amat luas dan harus dilakukan dengan lebih intensif berdasarkan kaedah saintifik untuk menghasilkan penemuan baru termasuk pengkomersilan produk.

Katanya MoU itu turut meliputi kerjasama UPM meningkatkan pembangunan modal insan pengajian akademik warga Jabatan Hutan Sarawak bagi mengikuti program pengajian ijazah pertama atau lanjutan di UPM.

“UPM juga akan mengadakan program penyelidikan, perundingan dan perkhidmatan untuk menggalakkan interaksi di antara staf akademik, pelajar dan pegawai kedua belah pihak.

“UPM berharap dapat membangunkan penyelidikan bersama dalam bidang sains perhutanan terutamanya biologi hutan, fungsi ekologi, takungan karbon ( carbon sequestration), rekreasi hutan dan eko-pelancongan, aspek sosio-ekonomi dan pengurusan hutan mampan (sustainable forest management) untuk menghasilkan penemuan baharu,” katanya.

Profesor Datuk Dr. Nik Mustapha berkata UPM akan mendapat faedah menggunakan kemudahan untuk penyelidikan bersama di beberapa kawasan hutan Sarawak seperti Taman Negara Bukit Lambir.

Katanya beberapa projek telah dirancang oleh Fakulti Perhutanan UPM dan Institut Perhutanan Tropika dan Produk Hutan UPM untuk dijadikan titik permulaan merealisasikan MoU itu.

MoU ditandatangani oleh Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Perancangan dan Pengurusan Sumber merangkap Pengarah Hutan Sarawak, Datu Len Talif Salleh, mewakili Kerajaan Negeri Sarawak dan UPM diwakili oleh Profesor Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah.

Majlis yang diadakan di Hotel Riverside Majestic, Kuching disaksikan oleh Mohd. Naroden Majais, Menteri Muda di Jabatan Ketua Menteri (Pembangunan Usahawan Bumiputera) dan Menteri Muda Perancangan dan Pengurusan Sumber.

Naroden dalam ucapannya berkata bahawa dalam keadaan kegawatan ekonomi dunia, kerajaan negeri perlu meneroka dan mencari peluang baru untuk memajukan sumber hutan.

“Sumber kekayaan baru daripada hutan perlu diterokai dan dimanfaatkan, terutamanya pelancongan, sumber air dan biodiversiti,” katanya.



*Datuk Naib Canselor, UPM sedang mendengar penerangan daripada Pegawai Perhutanan Sarawak, Abang Ahmad Abang Morni.*

---

Hak Cipta Terpelihara 2007  
Universiti Putra Malaysia